

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca bahagian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melabur di dalam Akaun Pelaburan Am-i . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini.

MAYBANK ISLAMIC BERHAD
 AKAUN PELABURAN AM-i
 1/2/2012

1. Apakah sifat produk ini?

Akaun Pelaburan Am-i adalah akaun simpanan tetap berdasarkan Syariah konsep Mudharabah. Akaun simpanan tetap merujuk pada produk deposit yang memberi kadar indikatif dividen pada satu tempoh matang yang telah ditetapkan. Deposit ini dilindungi oleh Malaysia Deposit Insurance Corporation (MDIC) atau Perbadanan Insuran Deposit Malaysia (PIDM).

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang digunakan untuk produk ini ialah Mudharabah.
- Mudharabah ialah perjanjian antara pemilik modal (Pelanggan) dan pihak lain (Bank) sebagai pengusaha. Perjanjian ini membolehkan Bank mengusahakan modal dan keuntungan yang diperolehi akan diagihkan berdasarkan kadar perkongsian keuntungan yang dipersetujui di awal kontrak. Sekiranya berlaku kerugian, kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal melainkan terbukti disebabkan oleh kecuaian pihak Bank.

3. Apakah ciri-ciri yang ada pada produk ini?

- Minima deposit pembukaan: RM 5,000 untuk tempoh 1 bulan dan RM 1,000 untuk tempoh 2 bulan ke atas (sehingga 60 bulan).
- Tempoh pelaburan : 1 bulan hingga 60 bulan.
- Pembayaran Indikatif Dividen : a) Untuk tempoh pelaburan 1 bulan hingga 12 bulan (masa matang pelaburan); dan
b) Untuk tempoh pelaburan 12 bulan dan ke atas (setiap bulan, setiap 6 bulan atau masa matang pelaburan)
- Kadar Perkongsian Keuntungan : Kadar Perkongsian Keuntungan ditentukan pada waktu pembukaan akaun.
- Sijil Pelaburan Akaun Pelaburan Am-i diterima pakai sebagai cagaran bagi kemudahan perbankan.

4. Apakah kunci terma-terma dan syarat-syarat lain yang saya harus tahu untuk produk ini?

- Sebarang separa pengeluaran adalah dibenarkan untuk tempoh pelaburan 7 bulan ke atas dengan minima jumlah separa pengeluaran ialah RM5,000. *
- Bagi pengeluaran pramatang untuk tempoh 3 bulan ke atas, hanya 50% dari kadar keuntungan berdasarkan pada jumlah hari pelaburan akan dibayar.
- Tiada keuntungan akan dibayar untuk pengeluaran pramatang sebelum tempoh 3 bulan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Tiada kos pemprosesan dikenakan semasa pembukaan akaun ini.
- Kos setem bernilai RM15 untuk surat jaminan ganti rugi bernilai RM15 akan ditanggung oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan kehilangan sijil Akaun Pelaburan Am-i.

6. Apakah risiko yang terlibat?

- Tiada risiko yang terlibat jika tiada pengeluaran pramatang dilakukan.
- Risiko kerugian pelaburan akan ditanggung oleh pelanggan melainkan terbukti disebabkan oleh kecuaian pihak Bank.

7. Apakah yang harus dibuat sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk memberitahu kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan anda, bagi memastikan sebarang surat-menyurat akan sampai tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkenaan dengan produk ini, anda boleh merujuk pada risalah produk yang terdapat di semua cawangan kami atau layari laman sesawang kami. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai produk-produk dan perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:

Maybank Group Customer Care,
 Lot 12, Jalan Astaka U8/84,
 Section U8, Bukit Jelutong,
 40150 Shah Alam,
 Selangor.

Tel : 1-300-88-6688/03-78443696

Maklumat yang terdapat di lampiran pendedahan produk ini adalah sah pada 1 February 2012.

*Tertakluk kepada terma dan syarat.